

**LAPORAN ANALISA SIA (SEBELUM PEMBALAKAN) TERHADAP PENDUDUK
KAMPUNG BARU DAN KAMPUNG PARIT, MUKIM TUALAK DI SEBAHAGIAN
KOMPARTMEN 42 & 43 HS BUKIT PERANGIN SELUAS 250.0 HEKTAR.**

1.0 PENGENALAN

Kajian Impak Sosial ini bertujuan untuk menilai impak aktiviti pembalakan yang dijalankan di dalam Hutan Simpanan Kekal terhadap sosioekonomi penduduk kampung yang tinggal berhampiran dengan kawasan pembalakan. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu, permasalahan, keberkesanan aktiviti pengusahaan hutan yang dijalankan bagi merancang strategi penambahbaikan pelaksanaan aktiviti sedia ada.

2.0 LATAR BELAKANG PERKAMPUNGAN

Perkampungan penduduk di Kampung Baru dan Kampung Parit, Mukim Tualak, Daerah Padang Terap adalah penempatan yang paling hampir dengan kawasan kelulusan pembalakan bagi Syarikat Nemesu Emas Trading.

3.0 LATAR BELAKANG KAWASAN PEMBALAKAN

Kawasan Sebahagian Kompartmen 42 & 43, Hutan Simpan Bukit Perangin, Daerah Padang Terap telah diluluskan kawasan pengusahaan hutan kepada Syarikat Nemesu Emas Trading dengan keluasan lebih kurang 250.0 hektar.

**4.0 RUMUSAN HASIL SESI TEMURAMAH BERKAITAN KAJIAN IMPAK SOSIAL
DALAM SEKTOR PEMBALAKAN**

4.1 Aspek Ekonomi

Hasil maklumbalas yang diterima dari wakil penduduk menyatakan aktiviti pembalakan yang akan dijalankan berhampiran penempatan mereka memberikan pulangan kepada penduduk setempat dari segi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, pendapatan melalui kedai runcit serta pembinaan jalan-jalan ke kebun memudahkan hasil kebun dikeluarkan.

4.2 Aspek Infrastruktur

Pembukaan kawasan pembalakan tidak meningkatkan sebarang pembinaan infrastruktur ataupun kemudahan kepada penduduk tempatan.

4.3 Aspek Kesihatan

Kawasan pembalakan ini tidak memberi sebarang implikasi kepada bekalan air bersih serta tidak mewujudkan masalah kesihatan kepada masyarakat setempat.

4.4 Aspek Sosial

Aktiviti pembalakan yang akan dijalankan tidak akan menyebabkan berlakunya perpecahan atau masalah sosial dikalangan penduduk. Pembalakan yang akan dijalankan juga tidak akan menimbulkan konflik di antara penduduk dan pembalak.

5.0 KESIMPULAN


Daripada Soal Selidik Kajian Impak Sosial yang telah dijalankan sebelum aktiviti pembalakan bermula mendapati secara keseluruhannya penduduk kampung bersetuju terhadap aktiviti pembalakan yang akan dijalankan.

Disediakan Oleh,



(NOOR AKMAL BINTI JAMIL)
Pegawai Hutan Daerah
Kedah Utara

Diterima Oleh,)



(FAZLI B. SAMUD)
(PENGERUSI MPR)

**PENYERAHAN LAPORAN ANALISA SIA (SEBELUM PEMBALAKAN) BAGI
KAWASAN KELULUSAN KOMPT 42 & 43 HS BUKIT PERANGIN KEPADA WAKIL
PENDUDUK SETEMPAT**

